



BERSUARA MENENTANG RASUAH

**BUKU PANDUAN
WARGANEGARA**



TRANSPARENCY
INTERNATIONAL
MALAYSIA

Diterbitkan oleh:



TRANSPARENCY
INTERNATIONAL
MALAYSIA

KAMI MAHU **ANDA BERSUARA** UNTUK MEMERANGI RASUAH

Transparency International – Malaysia (TI-M) adalah sebuah badan bukan kerajaan yang bebas dan merupakan *national chapter* kepada Transparency International.

Untuk maklumat lanjut sila layari:

www.transparency.org.my

KANDUNGAN

Apakah pendirian anda mengenai rasuah?	3
Apa itu rasuah dan kesannya	5
Kesalahan, Perlindungan untuk pemberi maklumat dan cara membuat laporan	15
Data rasuah	23
Inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan & Transparency International - Malaysia	31
Apa yang boleh anda lakukan untuk memerangi rasuah	41
Soalan lazim	45

BERWASPADA, BERSUARA, UNTUK MENDEDAHKAN PERLAKUAN RASUAH

BERSUARA MENENTANG RASUAH



Transparency International – Malaysia ingin bersama anda dalam menangani rasuah. Sentiasa celik. Sentiasa berwaspada dan bersuara bagi mendedahkan perlakuan rasuah.

Hak untuk melaporkan salah laku adalah lanjutan daripada hak kebebasan bersuara. Kita semua berhak untuk melindungi kesejahteraan rakyat dan masyarakat. Rasuah boleh memberikan kesan yang buruk dan boleh menjejaskan kehidupan rakyat. Oleh itu, kita bertanggungjawab untuk melaporkan perlakuan rasuah.

Hubungi **1800 22 0122**. Perkhidmatan talian bebas tol baru milik Transparency International –Malaysia membolehkan anda menghubungi Transparency International – Malaysia mengenai aduan rasuah dan kami akan membantu anda.

Buku panduan ini bertujuan untuk memberitahu anda, melibatkan anda, memberi kuasa kepada anda, dan meningkatkan kesediaan anda untuk melaporkan rasuah. Pada akhirnya rasuah hanya boleh dihentikan oleh orang awam. Jadi sebahagian daripada pasukan pergerakan global bagi mewujudkan perubahan.


Bertindak sekarang untuk memerangi rasuah bagi masa depan Malaysia.

Dato' Akhbar Satar

Presiden
Transparency International-Malaysia

APAKAH PENDIRIAN ANDA MENGENAI RASUAH





**APA
ITU
RASUAH?**

**RASUAH ADALAH
PENYALAHGUNAAN
KUASA UNTUK
KEPENTINGAN
PERIBADI**



PELBAGAI BENTUK RASUAH

CONTOH

- Pemberian wang secara terus
- Permintaan terhadap perlakuan seks
- Pembocoran soalan peperiksaan
- Menawarkan pekerjaan kepada ahli keluarga
- Menjanjikan sokongan politik daripada kumpulan berkepentingan kuat
- Pemindahan rentas sempadan aset yang dicuri



**KESAN
NEGATIF**

RASUAH

KESAN NEGATIF RASUAH

POLITIK

Menjejaskan institusi demokrasi dan kedaulatan undang-undang.

Pejabat dan institusi kehilangan kesahihan mereka apabila mereka disalahgunakan untuk kepentingan peribadi.

Ianya amat mencabar untuk melahirkan pemimpin politik yang bertanggungjawab dalam persekitaran rasuah.

Sumber asli yang bernilai dieksploitasi secara sewenang-wenangnya dan sistem ekologi dimusnahkan kerana tiada penguatkuasaan undang-undang alam sekitar.

Syarikat-syarikat di seluruh dunia terus membayar rasuah sebagai balasan untuk kemusnahan yang tidak terkawal.

PERSEKITARAN

KESAN NEGATIF RASUAH

SOSIAL

Warganegara dipaksa untuk membayar bagi mendapatkan perkhidmatan yang sepatutnya percuma.

Memberi kesan kepada kehidupan. Kualiti barangan dan perkhidmatan yang rendah — contohnya, bangunan runtuh, mengakibatkan kematian orang awam kerana kontrak telah diberikan kepada syarikat yang tidak berkelayakan tetapi telah membayar rasuah untuk mendapatkan kontrak tersebut.

Menjejaskan kepercayaan rakyat kepada sistem politik, terhadap institusi politik dan kepimpinannya. Ketidakpercayaan atau sikap tidak peduli daripada orang ramai boleh menjadi satu lagi halangan dalam menangani rasuah.

Mengurangkan sumber kekayaan negara.

Sumber awam dialihkan kepada projek-projek yang mengisi kocek yang sepatutnya adalah untuk projek yang memberi manfaat kepada masyarakat seperti sekolah, hospital dan jalan raya.

Menghalang pembangunan pasaran yang adil dan mengganggu persaingan, yang seterusnya mencegah pelaburan.

EKONOMI



Tahukah anda bahawa Bank Dunia telah menganggarkan jumlah rasuah yang dibayar di negara membangun dan negara maju dalam tahun 2001/2002 adalah sebanyak 1 trilion USD, kira-kira 3% daripada KDNK dunia.

KESALAHAN DAN PENALTI

KESALAHAN



MEMINTA ATAU MENERIMA RASUAH

Mana-mana individu yang meminta atau menerima rasuah sebagai dorongan atau ganjaran dalam transaksi rasmi.

s.16(a) dan 17(a) Akta SPRM 2009



MENAWARKAN ATAU MEMBERI RASUAH

Mana-mana individu yang menawarkan atau memberi rasuah kepada pegawai di sektor awam atau swasta dalam transaksi rasmi.

s.16(b) dan 17(b) Akta SPRM 2009



TUNTUTAN PALSU

Mana-mana individu yang mengemukakan tuntutan palsu dalam tuntutan pembayaran.

s.18 Akta SPRM 2009



PENYALAHGUNAAN JAWATAN AWAM

Penyalahgunaan jawatan atau kedudukan oleh seorang pegawai badan awam dalam membuat keputusan bagi tujuan kepentingan diri sendiri

s.23 Akta SPRM 2009

PENALTI



PENJARA DAN DENDA

Penjara: Sehingga 20 tahun, dan
Denda: RM10,000 / - atau 5 kali ganda jumlah rasuah, yang mana lebih tinggi.

s.24 Akta SPRM 2009

PERLINDUNGAN UNTUK PEMBERI MAKLUMAT



SIAPA ITU PEMBERI MAKLUMAT?

Seseorang yang mendedahkan salah laku (iaitu tingkah laku yang menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah) kepada agensi penguatkuasa.

JENIS PERLINDUNGAN YANG DIBERIKAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

- Identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan
- Maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat akan dirahsiakan
- Pemberi maklumat diberi imuniti daripada tindakan sivil dan jenayah dan tindakan disiplin tidak akan diambil
- Pemberi maklumat akan dilindungi daripada tindakan yang memudaratkan seperti ugutan, gangguan, campurtangan dalam pekerjaan yang sah, tindakan yang menyebabkan kecederaan, kerugian atau kerosakan
- Perlindungan juga diberikan kepada ahli keluarga, saudara-mara, rakan-rakan dan kenalan terdekat pemberi maklumat

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

MEMBUAT LAPORAN KEPADA SPRM

MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMBUAT LAPORAN

- Butir-butir orang yang terlibat.
- Tarikh, masa dan lokasi kejadian.
- Tujuan transaksi.
- Jumlah transaksi dan jenis.
- Identiti saksi lain (di tempat kejadian atau mempunyai maklumat), sekiranya ada.
- Sebarang dokumen, maklumat atau bukti fizikal yang berkaitan dengan kejadian itu.



**Tahukah anda bahawa ianya merupakan
satu kesalahan sekiranya anda tidak
melaporkan perlakuan rasuah?**

s.25 Akta SPRM 2009

SALURAN LAPORAN RASUAH SPRM



**Tahukah
bahawa anda boleh
menghantar aduan
kepada SPRM di
Peti Surat 6000
tanpa setem?**

CARA UNTUK MELAPOR KEPADA SPRM



1800 886 000



info@sprm.gov.my



www.sprm.gov.my



019 600 0696



03 8889 4329



SPRM, Blok D6, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Peti Surat 6000,
62007 Putrajaya, Malaysia



ATAU

Mana-mana
cawangan negeri

DATA RASUAH

OLEH




**TRANSPARENCY
INTERNATIONAL**
gabungan global menentang rasuah

CPI adalah indeks yang mencerminkan tahap persepsi terhadap rasuah di sektor awam antara 175 negara.

Skor bagi setiap negara ditentukan dari gabungan dua belas kajian dan penilaian rasuah, yang dikumpulkan oleh pelbagai institusi bereputasi.

CPI (2014) INDEKS PERSEPSI RASUAH



SUMBER

<http://www.transparency.org/cpi>

Pada tahun 2014, Malaysia berada di kedudukan 50 daripada 175 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah.


RANK	COUNTRY/TERRITORY	SCORE			
			61	Croatia	48
39	Slovenia	58	61	Ghana	48
42	Cape Verde	57	63	Cuba	46
43	Korea (South)	55	64	Oman	45
43	Latvia	55	64	The FYR of Macedonia	45
43	Malta	55	64	Turkey	45
43	Seychelles	55	67	Kuwait	44
47	Costa Rica	54	67	South Africa	44
47	Hungary	54	69	Brazil	43
47	Mauritius	54	69	Bulgaria	43
50	Georgia	52	69	Greece	43
50	Malaysia	52	69	Italy	43
50	Samoa	52	69	Romania	43
53	Czech Republic	51	69	Senegal	43
54	Slovakia	50	69	Swaziland	43
55	Bahrain	49	76	Montenegro	42
55	Jordan	49	76	Sao Tome and Principe	42
55	Lesotho	49	78	Serbia	41
55	Namibia	49	79	Tunisia	40
55	Rwanda	49	80	Benin	39
55	Saudi Arabia	49			

GCB adalah kajian yang mengesan pendapat awam mengenai rasuah di seluruh dunia.

114,000 orang di 107 negara telah mengambil bahagian dalam kajian itu pada tahun 2013.

GCB (2013)

BAROMETER RASUAH GLOBAL



Pada keseluruhan, parti-parti politik dilihat sebagai institusi yang paling tinggi penglibatan dalam perlakuan rasuah, diikuti oleh polis.

SUMBER

<http://www.transparency.org/gcb2013/results>

BAROMETER RASUAH GLOBAL MALAYSIA 2013

PERATUS RESPONDEN DI MALAYSIA YANG MERASAKAN BERIKUT ADALAH INSTITUSI YANG TERLIBAT DALAM RASUAH DI MALAYSIA



76%

merasakan bahawa pihak polis terlibat dalam perlakuan rasuah



46%

merasakan bahawa penjawat awam dan kakitangan kerajaan terlibat dalam perlakuan rasuah



40%

merasakan bahawa perniagaan adalah terlibat dalam perlakuan rasuah



22%

merasakan bahawa media terlibat dalam perlakuan rasuah



13%

merasakan bahawa sistem pendidikan adalah terlibat dalam perlakuan rasuah



9%

merasakan bahawa perkhidmatan perubatan dan kesihatan adalah terlibat dalam perlakuan rasuah



69%

merasakan bahawa parti politik terlibat dalam perlakuan rasuah



44%

merasakan bahawa parlimen terlibat dalam perlakuan rasuah



35%

merasakan bahawa badan kehakiman terlibat dalam perlakuan rasuah



17%

merasakan bahawa badan bukan kerajaan terlibat dalam perlakuan rasuah



10%

merasakan bahawa tentera terlibat dalam perlakuan rasuah



6%

merasakan bahawa badan keagamaan terlibat dalam perlakuan rasuah

SOURCE

<http://www.transparency.org/gcb2013/country/?country=malaysia>

DATA RASUAH KEBANGSAAN

oleh



TRANSPARENCY
INTERNATIONAL
MALAYSIA

BAROMETER RASUAH MALAYSIA 2014


ADAKAH ANDA AKAN MELAPORKAN SUATU KEGIATAN RASUAH?

YA(51%)

TIDAK(49%)



KENAPA TIDAK?



Barometer Rasuah Malaysia adalah kajian yang mengesan persepsi awam mengenai rasuah.

Salah satu soalan yang diliputi dalam kajian adalah kesanggupan mereka untuk melaporkan kejadian rasuah.

2,000 rakyat Malaysia di seluruh Malaysia telah menyertai kajian ini.

SUMBER

<http://transparency.org.my/what-we-do/indexes/global-corruption-barometer/ti-m-2014-malaysia-corruption-barometer-mcb-results/>



INISIATIF YANG TELAH DIAMBIL



INISIATIF UTAMA KERAJAAN BERKENAAN ANTI RASUAH

KERANGKA PERUNDANGAN

- Menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mencegah rasuah.
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
- Perlindungan diberikan kepada pemberi Maklumat yang mendedahkan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan.
Akta Perlindungan Pemberi maklumat 2010
- Menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan untuk menangani salah laku pegawai-pegawai dari 21 agensi penguatkuasaan. Agensi tersebut merangkumi Jabatan Imigresen, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Jabatan Buruh dan Polis Diraja Malaysia.
Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009
- Perlindungan yang diberikan kepada saksi bagi keselamatan dan kebajikan mereka kerana mendedahkan maklumat mengenai perlakuan suatu kesalahan berasaskan “penilaian ancaman”.

Akta Perlindungan Saksi 2009

INISIATIF LAIN

- Unit Pematuhan ditubuhkan di agensi penguatkuasaan utama, contohnya, SPRM, Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kastam dan Jabatan Imigresen.
- Menubuhkan 14 mahkamah khusus bagi pencegahan rasuah di mana hakim telah diarahkan untuk menyelesaikan kes-kes rasuah dalam tempoh satu tahun perbicaraan.
- Pendedahan maklumat mengenai perolehan kontrak kerajaan di portal MyProcurement.
<http://myprocurement.treasury.gov.my>
- Pangkalan data pesalah jenayah rasuah yang memberi nama dan memalukan pesalah.
<http://www.sprm.gov.my/name-and-shame.html>
- Menegakkan kerangka antarabangsa untuk pencegahan rasuah dengan meratifikasikan Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Rasuah.
http://www.cpps.org.my/Resources-@-United_Nations_Convention_Against_Corruption.aspx



CIRI-CIRI PENTING

PENDEKATAN 3 HALA



PENGUATKUASAAN

Kenalpasti dan jalankan siasatan



PENDIDIKAN

Mendidik orang ramai untuk menentang rasuah



PENCEGAHAN

Menyemak semula amalan dan sistem untuk mengurangkan kejadian rasuah

KERANGKA TADBIR URUS

5 badan bebas mengawasi aktiviti SPRM*. 2 daripada badan pengawasan tersebut adalah:

- **Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah** yang terdiri daripada 7 orang ahli dari Dewan Parlimen dan menasihati Perdana Menteri mengenai masalah rasuah di Malaysia.
s.14 Akta SRPM
- **Jawatankuasa Aduan** yang terdiri daripada tidak lebih dari 5 orang ahli yang dilantik oleh Menteri untuk memantau pengendalian aduan salah laku pegawai-pegawai SPRM.
s.15 Akta SRPM

* 3 badan yang lain adalah Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Lembaga Kajian Operasi dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah.

TRANSPARENCY INTERNATIONAL MALAYSIA



SIAPAKAH KAMI

Transparency International – Malaysia adalah sebuah organisasi bebas, bukan kerajaan dan tidak berpihak kepada sesiapa serta komited untuk memerangi rasuah.

Ia adalah *national chapter* yang bertauliah bagi Transparency International yang berasal di Berlin.

VISI KAMI

Sebuah negara yang bebas daripada rasuah.

BAGAIMANA KAMI BEKERJA

Kami bekerja dengan sektor swasta, kerajaan, media dan orang awam untuk memerangi rasuah serta menggalakkan integriti.

APA YANG KAMI LAKUKAN

Antara projek yang dijalankan termasuk:

- Projek Integriti Tadbir Urus Perhutanan
- Program Integriti Perniagaan
- Reformasi Pembiayaan Politik
- Promosi Integriti Belia
- Kempen Bersuara

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

www.transparency.org.my

PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN OLEH TRANSPARENCY INTERNATIONAL MALAYSIA



LAWATAN KE KOMUNITI & PERKHIDMATAN BERGERAK

Meningkatkan kesedaran dan mendidik rakyat agar mereka mengetahui kewajipan dan hak untuk memerangi rasuah

Memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana perbuatan rasuah berlaku

BENGKEL



ADVOKASI

Menggesa kerajaan untuk melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan peluang perlakuan rasuah berdasarkan kajian, data, hasil penyelidikan dan penglibatan awam

Bekerjasama dengan badan bukan kerajaan lain, contohnya, Gabungan Tadbir Urus yang Baik, Integriti, Akauntabiliti dan Ketelusan (GIAT)



PERKHIDMATAN TALIAN BEBAS TOL

Nombor talian bebas tol baru - 1800 220 122

TI-M akan memberikan sokongan dan maklumat, secara rahsia dan dengan percuma, mengenai isu-isu berkaitan rasuah

Membantu untuk merujuk kes rasuah kepada SPRM

Nota: TI-M tidak akan melakukan siasatan

PUSAT KHIDMAT AWAM



APA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN UNTUK MEMERANGI **RASUAH**



BERSUARA

Laporkan perlakuan rasuah.



KATAKAN TIDAK

Jangan terlibat atau dipaksa untuk memberi rasuah.



TANYA SOALAN

Cabar amalan penerimaan rasuah.



KETAHUI HAK ANDA

Ketahui hak anda untuk bersuara dengan kukuh.



AMALKAN NILAI-NILAI MURNI

Memupuk prinsip integriti, keadilan, kesaksamaan dalam kehidupan.



AKUAN PENCEGAHAN RASUAH

AKUAN SAYA TERHADAP PENCEGAHAN RASUAH

Tandakan

- ☐ Saya tidak akan memberikan rasuah
- ☐ Saya tidak akan menerima rasuah
- ☐ Saya akan bekerjasama dalam kempen membanteras rasuah
- ☐ Saya akan bersuara menentang rasuah dan melaporkan rasuah
- ☐ Saya hanya akan menyokong calon-calon untuk jawatan awam yang mengatakan tidak kepada rasuah dan menunjukkan ketelusan, integriti dan akauntabiliti

Tandatangan:

Tarikh:

SOALAN LAZIM

1 Dibawah persekitaraan manakah rasuah berleluasa?

Rasuah berleluasa apabila godaan bertemu dengan peluang: dimana tiada pemeriksaan terhadap kuasa di institusi, dimana proses membuat keputusan tidak telus, dimana masyarakat adalah lemah. Oleh itu, ianya penting untuk mengwujudkan mekanisma kawalan dan halangan berkala bagi menghalang individu daripada menyalahgunakan kuasa mereka.

2 Apa itu ketelusan?

Ketelusan adalah untuk memberi pencerahan terhadap peraturan, rancangan, proses dan tindakan. Ia merujuk kepada pengetahuan mengenai mengapa, bagaimana, apa, dan berapa banyak. Ketelusan memastikan bahawa pegawai-pegawai awam, kakitangan awam, pengurus, ahli lembaga pengarah dan ahli perniagaan bertindak secara jelas dan boleh difahami, serta melaporkan kegiatan mereka. Ini juga bermaksud masyarakat awam boleh menyoal mereka. Ia juga merupakan cara yang paling sesuai untuk menghalang rasuah, dan membantu meningkatkan kepercayaan rakyat dan institusi di mana terletaknya masa depan kita.

3 Bagaimanakah anda dapat mengukur rasuah?

Memandangkan rasuah berlaku secara rahsia, angka yang dinyatakan hanyalah anggaran. Penyelidikan menunjukkan bahawa persepsi rakyat memberikan anggaran munasabah terhadap jenis dan skop rasuah di negara tertentu. Persepsi penganalisa negara, ahli perniagaan atau orang awam menjadi asas kepada indeks rasuah seperti Indeks Persepsi Rasuah dan Barometer Rasuah Global.

4 Di mana anda boleh melaporkan rasuah dan apakah peluang untuk rayuan?

Laporkan kepada SPRM menggunakan mana-mana saluran pelaporan rasuah mereka. Sumber lain yang boleh membantu ialah: Biro Pengaduan Awam di Jabatan Perdana Menteri yang telah ditubuhkan untuk menguruskan aduan awam dalam tempoh 15 hari atau Agensi Penguatkuasaan Suruhanjaya Integriti yang mengendalikan salah laku 21 agensi penguatkuasaan.

5 Apakah cadangan TI-M untuk mengurangkan rasuah?

- Penglibatan politik yang lebih kukuh harus ditunjukkan.
- Pengisytiharan harta bagi pegawai-pegawai awam dan ahli politik.
- Peraturan yang komprehensif tentang pembiayaan politik termasuk ketelusan dalam bagaimana mereka menerima dan membelanjakan perolehan derma.
- Menubuhkan pendaftaran awam mengenai maklumat pemilik bermanfaat untuk semua syarikat-syarikat bagi mendedahkan pemilik sebenar.
- Mewujudkan satu pentas di arena global yang membolehkan kerajaan dan masyarakat awam untuk bekerjasama ke arah transformasi negara.
- Kontrak harus dianugerahkan melalui tender terbuka dan pembidaan kompetitif.
- Menubuhkan satu pasukan petugas dari pelbagai disiplin oleh Jabatan Audit Negara untuk bekerjasama dengan Kementerian dengan kuasa untuk campur tangan.
- Menerajui Pelan Tindakan Pencegahan Rasuah ASEAN untuk mengekalkan pertumbuhan, kestabilan kewangan, pelaburan dan perdagangan dan mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan pendapatan.

NOTA SAYA

Penghargaan kepada:



Activity supported by the
Canada Fund for Local Initiatives

Aktiviti ini disokong oleh
Dana Kanada Untuk Inisiatif Tempatan

Canada 

BERSUARA MENENTANG RASUAH

BERTINDAK SEKARANG! HUBUNGI

1800 220 122

TALIAN BEBAS TOL, 9 PAGI – 4 PETANG, Isnin – Jumaat

www.transparency.org.my



speakup@transparency.org.my



facebook.com/timalaysia



twitter.com/TI_Malaysia



TRANSPARENCY
INTERNATIONAL
MALAYSIA